

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.05.2016**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bagi melindungi kepentingan syarikat milik Kerajaan melalui *State-Owned Enterprise & GLC Act (SOGA)* yang baru dicadangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini penggubalan *State Owned Enterprise & GLC Act (SOGA)* masih di peringkat awal perbincangan. Bagaimanapun, matlamat utama penggubalan SOGA ini adalah bertujuan untuk

meningkatkan tadbir urus (*governance*) syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) amnya. Selain itu, penggubalan SOGA ini adalah bagi mematuhi obligasi di bawah Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik serta menangani isu syarikat MKD sebagai liabiliti kepada Kerajaan.